

DU 17

U 8862 DEB

PERKIM-MAHATHIR

1784

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK S E R I DR. MAHATHIR MOHAMEDHARIINI MAHU PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) MENGADAKAN SATU PENDEKATAN BARUBAGI MENGGERAKKAN. MASYARAKAT ISLAM WNTUK TURUT BERSAMA DALAM KEGIATAN DAKWAH DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA SETELAH BERKECIMPUNG DALAM BIDANG DAKWAH SELAMA 25 TAHUN, S U D A H T I B A M A S A N Y A P E R K I M M E N G U B A H P E N D E K A T A N N Y A D A R I H A N Y A M E N U M P U K A N K E G I A T A N D A K W A H T E R H A D A P M A S Y A R A K A T B U K A N I S L A M .

+BERDAKWAH KEPADA MEREKA YANG BUKAN ISLAM BUKAN S4HAJ.A SATU AMALAN YANG DIPERINTAH OLEH ALLAH DALAM AL-QURAN, MALAH IA MEMPUNYAI ERTI YANG AMAT BESAR KEPADA MATLAMAT MEMBINA SATU MASYARAKAT MALAYSIA YANG LEBIH HARMONIS DAN BERSATUPADU, + TEGAS PERDANA MENTEHI DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA ULANGTAHUN KE-25 PERKIM PADA 29 NOV. INI.

BELIAU BERKATA INI PERLU KERANA PRASANGKA TERHADAP ISLAM YANG MUNGKIN ADAPADA MEREKA YANG BUKAN ISLAMAKAN DAPAT DIKIKIS JIKA KEFAHAMAN DAN MENGGUNAKAN HIKMAH YANG LEBIH BERKESANDIBERIKAN KEPADA GOLONGAN TERSEBUT.

DATUK S E R I D R . M A H A T H I R M E N A M B A H , K E R A J A A N M E N G A M B I L L A N G K A H M E M B E R I K E F A H A M A N B E R K E N A A N T A M A D U M D A N N I L A I - N I L 4 1 I S L A M K E P A D A P E L A J A R - P E L A J A R B U K A N I S L A M D I I N S T X T U S I - I N S T I T U S I P E N G A J I A N T I N G G I U N T U K M E N C A P A I T U J U A N T E R S E B U T .

BELIAU JUGA MENYAMBUT BAIK LANGKAH PERKIM MENGADAKAN SEMINAR PAD4 17 HINGGA 19 NOV INI DAN BERHARAP IA DAPAT MENGGARISI HALUAN YANG AKAN DITEMPOHI OLEH BADAN TERSEBUT DALAM MENCAPAI MATLAMATNYA.

SEMENTARA ITU, BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, SELAKU YANG DIPERTUA PERKIM, BERKATA PERTUBUHAN AGAMA ITU DAPAT MENCAPAI KEJAYAAN YANG BERKESAN JIKA MASALAH KEWANGAN DAN KEKURANGAN TENAGA PENDAKWAH YANG TERLATIH DAPAT DIATASI.

TUNKU ABDUL RAHMAN BERPENDAPAT PERKIM KINI MUNCUL SEBAGAI SATU PERTUBUHAN YANG BERJAYA MEMPENGARUHI MASYARAKAT BUKAN ISLAM UNTUK MEMELUK AGAMA TERSEBUT SEJAK DITUBUHKAN 25 TAHUN LALU.

BELIAU BERKATA PERKIM LEBIH MENEKANKAN AMAL-AMAL KEBAJIKAN SEBAGAI SATU CARA BERDAKWAH KEPADA MEREKA YANG BUKAN ISLAM.

SEMINAR PERKIM BERTEMAKAN +ORANG-ORANG ISLAM SESAMA ISLAM ADALAH BERSAUDARA+ITU AKAN DILANGSUNGKAN SELAMA TIGA HARI SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-25 PERTUBUHAN TERSEBUT. -BERNAMA.

1809MST 14 11 84